

CNS9375

U GB 23-02 00159 BA597

BAH

(Ulangan Membetulkan Warna bagi Pengangkutan Mara "pada Perenggan Dua)
MARA TINGKATKAN IMEJ PERKHIDMATAN PENGANGKUTANNYA
Mahathir - MARA

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- MARA hari ini mengorak langkah ke arah perkhidmatan pengangkutan yang lebih cemerlang termasuk memperkenalkan perkhidmatan limousine sendiri, Limora Travel Services yang menggunakan Proton Limousine.

Ia turut memperkenalkan imej baru bagi perkhidmatan basnya dengan penggunaan warnaputih dan merah jambu serta menyediakan tayangan video dalam bas berprogram, Vision 20 dan majalah Imej untuk bacaan para penumpang dalam bas, limousine dan feri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melancarkan serentak perkhidmatan-perkhidmatan itu di Dataran Merdeka di sini memuji MARA atas usahanya itu.

Ia adalah satu tindakan yang sesuai dengan zaman, katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran itu, yang disiarkan secara langsung oleh TV Malaysia dan TV3.

Dr Mahathir berkata, semua jenis perkhidmatan khususnya 'pengangkutan perlu dipertingkatkan untuk disesuaikan dengan kehendak semasa. -- Lagi.

▼23/02/13-08MST

CNS9358

U GB 23-02 00112 BA588

BAH

Mahathir - MARA 2 Kuala Lumpur

Pengarah Urusan Mara Holdings, Encik Ornar Johar berkata, peningkatan perkhidmatan pengangkutan itu ibarat satu usaha mengadakan +pengangkutan penerbangan di darat+.

Beliau memberi jaminan bahawa tambang bagi perkhidmatan-perkhidmatan itu tidak akan dinaikkan dengan peningkatan perkhidmatan tersebut.

Omar berkata, Limora Travel Services Sdn Bhd yang ditubuhkan awal tahun ini kini beroperasi dengan 40 buah kereta Proton Limousine dan akan ditambah kepada 200 buah menjelang akhir tahun ini.

Faktor utama penubuhannya ialah ekoran perkembangan pesat industri pelancongan, katanya.

Omar berkata, ia juga mengambil kira pertambahan bilangan hotel dan kekerapan persidangan her taraf antarabangsa yang diadakan di sini. -- Lagi.

▼23/02/12-01MST

CNS9363

UGB 23-02 00135 BA592

BAH

Mahathir - MARA 3 Kuala Lumpur

Ornar berkata, program tayangan video dan Majalah Imej pula akan dikendalikan sebuah syarikat sekutu Mara Holdings, Dasar Profil (Malaysia) Sdn Bhd.

Program video dan majalah itu merupakan satu usaha Mara Holdings bagi menyediakan program-program hiburan dan dokumentari kepada kira-kira 50,000 penumpang bas ekspres dan ferinya dalam sehari, kata Omar sambil berkata bahawa ia sebagai satu +saluran pilihan+.

Katanya, selain untuk hiburan ia juga akan digunakan sebagai satu saluran bagi kempen-kempen awam seperti memerangi Aids dan Denggi.

Omar berkata, pengenalan warna baru bas-bas ekspres Mara Holdings pula bertujuan bagi mewujudkan identiti dan pengenalan korporat yang seragam pada semua bas milik 21 buah anak syarikatnya.

Paduan warna putih dan merah jambu itu dipilih sendiri oleh Perdana Menteri, katanya. -- Lagi.

▼23/02/12-27MST

CNS9381

U GB 23-02 00120 BA601

BAH

Mahathir - MARA 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Selepas majlis pelancaran itu, Perdana Menteri telah dibawa menaiki sebuah daripada 20 buah bas ekspres Mara yang disediakan untuk pelancaran itu.

Beliau telah dibawa dari Dataran Merdeka, ke Jalan Raja Laut, Jalan Sultan Ismail, Jalan Kuching, Jalan Hishamuddin dan balik ke Dataran Merdeka dengan diekori 19 buah bas lain dan 40 buah Proton Limousine.

Sebelum itu Perdana Menteri turut mengambil bahagian dalam acara senamrobik di Dataran Merdeka bersama-sama kira-kira 1,000 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Mara dan anak-anak syarikatnya.

Yang turut hadir pada majlis pelancaran itu ialah Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor dan Pengerusi Mara, Encik Tarnrin Ghafar. -- Bernama.

▼23/02/13-33MST